



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SATU KAJIAN PERBANDINGAN EKONOMI DI ANTARA PEKEBUN
KECIL TANAM SEMULA BERKELOMPOK DENGAN
PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN**

RAHMAN BIN MD. SAIL

FEP 1989 1

SATU KAJIAN PERBANDINGAN EKONOMI DI ANTARA PEKEBUN
KECIL TANAM SEMULA BERKELOMPOK DENGAN
PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN

oleh

RAHMAN BIN MD. SAIL

Tesis Yang Dikemukakan Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master
Sains Di Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan
Universiti Pertanian Malaysia

Februari 1989



PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan berbanyak kesyukuran kehadiran Allah kerana dengan limpah rahmatNya, tesis ini telah dapat disiapkan. Penulis ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia beliau iaitu Profesor Madya Dr. Chew Tek Ann di atas segala usahanya memberi panduan, nasihat dan teguran dari mula hingga ke akhir proses penyediaan tesis ini. Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Roslan bin Ghafar yang juga turut membantu memberikan nasihat serta panduan yang sangat berguna semasa menyediakan tesis ini.

Juga yang tidak dilupakan ialah Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan RISDA Tuan Haji Abdan bin Abu di atas jasa beliau membantu penulis semasa mengumpul data. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Pengarah RISDA Negeri Johor Tuan Haji Aliasak Ambia, Pegawai Kanan Menjaga Wilayah Johor Utara Muar dan Segamat yang telah membenarkan pegawai-pegawai luar RISDA membantu penulis menjalankan kerja-kerja temutanya. Penghargaan yang tinggi juga diberikan kepada pegawai-pegawai Luar RISDA di Segamat dan Muar yang telah membantu penulis menjalankan kerja temutanya di ladang.

Penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak pengurusan RISDA yang telah bermurah hati membiayai semua kos tuntutan perjalanan pegawai-pegawai luar RISDA yang menjalankan kerja temutanya di ladang.



Akhir sekali ucapan terima kasih khas ditujukan kepada isteri yang disayangi iaitu Siti Eshah Haji Hussin dan anak-anak Muhammad Shah, Muhammad Qassim, Siti Hajar dan Siti Maryam di atas kerjasama serta pertolongan yang telah mereka berikan semasa tesis ini disediakan. Mereka juga telah memberikan semangat serta pendorong yang amat kuat kepada penulis sehingga tesis ini dapat disiapkan.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
GLOSARI	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiv
BAB 1: PENGENALAN	1
Perusahaan Getah Malaysia	1
Program Tanam Semula	6
Tanam Semula Berkelompok	10
Tanam Semula Secara Persendirian	17
Kenyataan Masalah	17
Objektif Penyelidikan	19
Objektif Umum	19
Objektif Khusus	20
Hipotesis	20
BAB 2 ULASAN KARYA TERPILIH	22
Kajian Tanaman Getah Berkelompok	22
Kajian Tanaman Getah Persendirian	27
Kajian Tanaman Berkelompok Selain Dari Tanaman Getah	28



BAB 3	METODOLOGI	34
	Rangka Kerja Teoritis	34
	Faktor Pengurusan	34
	Biasan Pengurusan	35
	Pengiraan Pembolehubah Pengurusan	37
	Analisis Faktor	39
	Model Analisis Faktor	40
	Pusingan Faktor	41
	Indeks Pengurusan	41
	Model Fungsi Pengeluaran	42
	Pembolehubah Fungsi Pengeluaran Pekebun Kecil	45
	Model Fungsi Pengeluaran Cobb-Douglas	49
	Kecekapan Penggunaan Sumber	50
	Kecekapan Teknikal	52
	Perbandingan Harga	53
	Pengumpulan Data	54
	Rangka Persampelan	54
	Melatih Pembanci	57
	Temuduga dan Pemeriksaan Kebun	57
BAB 4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	60
	Analisis Data Permulaan	60
	Analisis Faktor.....	62
	Cara Membandingkan Sistem Pengurusan	70
	Kecekapan Penggunaan Sumber	77



	Kecekapan Penggunaan Tenaga Buruh	83
	Kecekapan Penggunaan Baja	84
	Kecekapan Penggunaan Pokok	86
	Kecekapan Teknikal Relatif	88
	Analisis Harga	92
BAB 5	RINGKASAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	96
	Latar Belakang	96
	Objektif Kajian	97
	Kaedah Kajian	97
	Penemuan Kajian	98
	Pengurusan	98
	Kecekapan Penggunaan Sumber	99
	Analisis Harga	100
	Implikasi Dasar dan Cadangan	101
	Pengurusan	101
	Kecekapan Penggunaan Sumber	103
	Kecekapan Teknikal Relatif	105
	Harga Getah	106
	RUJUKAN	108
	LAMPIRAN A	112



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Luas Tanaman Getah Oleh Estet dan Pekebun Kecil ('000 Hektar).....	2
2	Pengeluaran Getah Di Estet dan Pekebun Kecil (1976-1985) ('000 Tan Metrik).....	3
3	Buruh Yang Diambil Terus dan Buruh Kontrak Di Estet Semenanjung Malaysia (1985) Mengikut Kategori Keluasan.....	5
4	Program Tanam Semula Getah Dari Tahun 1952 Sehingga Akhir Tahun 1984.....	7
5	Peruntukan Belanjawan RISDA Bagi Tahun 1986.....	8
6	Kemajuan Projek Tanam Semula, Tanam Baru, Tanam Semula Kali Ke 2 Mengikut Negeri Bagi Tahun 1984 (Bayaran Bantuan Pertama Sahaja) (Hektar).....	9
7	Kemajuan Tanam Semula Berkelompok Setakat 31.12.1986.....	11
8	Kawasan Pekebun Kecil Yang Dipilih Bagi Daerah Segamat.....	55
9	Kawasan Pekebun Kecil Yang Dipilih Bagi Daerah Muar.....	56
10	Pembolehkan Purata Bagi Pekebun Kecil Berkelompok dan Persendirian.....	61
11	Faktor Tanpa Pusingan Varimax bagi Pekebun Kecil Berkelompok.....	63
12	Faktor Tanpa Pusingan Varimax Bagi Pekebun Kecil Persendirian.....	64
13	Faktor Pusingan Varimax Bagi Pekebun Kecil Berkelompok.....	66



14	Faktor Pusingan Varimax Bagi Pekebun Kecil Persendirian.....	66
15	Nilai 'Communality' Pekebun Kecil Tanam Semula Berkelompok dan Persendirian.....	67
16	Muatan Faktor Pekebun Kecil Getah Berkelompok dan Persendirian.....	69
17	Perbezaan Skor Purata Pengurusan Di Antara Pekebun Kecil Berkelompok Dengan Pekebun Kecil Persendirian.....	71
18	Ujian 't' Ke Atas Perbezaan Skor Purata Pengurusan Di Antara Pekebun Kecil Berkelompok dan Persendirian.....	72
19	Ujian 't' Ke Atas Indeks Pengurusan Pekebun Kecil Berkelompok dan Persendirian.....	74
20	Keputusan Regresi Menggunakan Indeks Faktor Sebagai Pengurusan Bagi Pekebun Kecil Berkelompok dan Persendirian.....	79
21	Keputusan Regresi Menggunakan Skor Sebagai Indeks Pengurusan Bagi Pekebun Kecil Berkelompok dan Persendirian.....	80
22	Hasil Sut, Nilai Hasil Sut dan Kos Lepas Pekebun Kecil Persendirian	84
23	Ujian Chow Ke Atas Perbezaan Di Antara Pekebun Kecil Tanam Semula Berkelompok Dengan Pekebun Kecil Persendirian.....	89
24	Kecekapan Teknikal Relatif Di antara Pekebun Kecil Berkelompok Dengan Pekebun Kecil Persendirian.....	91
25	Harga Purata, Varians, Sisihan Lazim Bagi Pekebun Kecil Berkelompok dan Pekebun Kecil Persendirian.....	93



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Perlaksanaan Projek Tanam Semula Berkelompok	13
2	Biasan Pengurusan	36
3	Peta Kelok Keluaran-Sama	44
4	Nilai Hasil Sut dan Kos Lepas (Buruh) Pekebun Kecil Persendirian	85
5	Nilai Hasil Sut dan Kos Lepas (Baja) Pekebun Kecil Persendirian	87



GLOSARI

AHR	=	Jumlah Buruh (Jam) Sehektar Setahun
AKIR	=	Jumlah Baja (Ringgit) Sehektar Setahun
AP	=	Jumlah Pokok Getah Yang Boleh Ditoreh Sehektar
AREA	=	Luas Tanah (hektar) Yang Ditanam Dengan Getah
FELCRA	=	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara
FELDA	=	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
MT4	=	Indeks Pengurusan
PPPK	=	Pusat Pembangunan Pekebun Kecil
RISDA	=	Rubber Industry Smallholder Development Authority
RRIM	=	Rubber Research Institute of Malaysia
RSS1	=	Getah Asap Berbunga Gred Satu
TSB	=	Tanam Semula Berkelompok
USS	=	Getah Keping Tanpa Asap

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti
Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains.

SATU KAJIAN PERBANDINGAN EKONOMI DI ANTARA PEKEBUN
KECIL TANAM SEMULA BERKELOMPOK DENGAN
PEKEBUN KECIL PERSENDIRIAN

Oleh

Rahman bin Md. Sail

Februari, 1989

Ketua Penyelia : Chew Tek Ann, Ph.D.
Penyelia : Roslan A. Ghaffar, Ph.D.
Fakulti : Ekonomi dan Pengurusan

Pandangan umum mengatakan bahawa mengusahakan tanaman
getah secara berkelompok boleh memperbaiki ekonomi serta sosial
di kalangan para pekebun kecil di negara ini. Walau bagaimanapun
belum ada kajian dilakukan untuk menyokong pendapat ini. Oleh
sebab itu kajian ini dilakukan bertujuan untuk membuat perbandingan
ekonomi di antara pekebun kecil getah yang menyertai projek Tanam
Semula Berkelompok dengan pekebun kecil yang mengusahakan
tanaman mereka secara persendirian.



Dengan menggunakan analisis faktor, kajian ini telah menunjukkan bahawa pekebun kecil getah yang menyertai projek Tanam Semula Berkelompok mempunyai paras pengurusan yang lebih baik berbanding dengan paras pengurusan pekebun kecil persendirian. Paras pengurusan yang lebih baik ini berpunca daripada program serta aktiviti yang telah dilaksanakan oleh ejen-ejen pengembangan RISDA terhadap pekebun kecil berkelompok.

Jika dilihat dari segi kecekapan teknikal secara relatif, didapati pekebun yang menyertai projek Tanam Semula Berkelompok mempunyai kecekapan teknikal relatif yang lebih berbanding dengan pekebun kecil persendirian. Oleh sebab itu, dengan menggunakan input yang sama, pekebun kecil berkelompok telah memperolehi hasil pengeluaran lebih tinggi berbanding dengan pekebun kecil persendirian.

Pada keseluruhannya pekebun persendirian telah dapat menggunakan sumber baja dengan cekap tetapi sumber buruh tidak digunakan dengan cekap. Walau bagaimanapun kecekapan penggunaan sumber bagi pekebun kecil berkelompok tidak dapat dikira kerana variasi input yang digunakan di kalangan pekebun kecil berkelompok adalah terlalu kecil kerana mereka menerima khidmat nasihat yang sama diberikan oleh RISDA.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pekebun kecil berkelompok telah menerima harga getah yang lebih tinggi

daripada pekebun kecil persendirian. Keadaan ini disebabkan mereka mempunyai paras pengurusan yang lebih baik daripada pekebun kecil persendirian. Dengan pengurusan yang baik mereka telah dapat menghasilkan mutu getah keping yang baik dan seterusnya memperolehi harga yang berpatutan.



Abstract of the thesis presented to the Senate of
Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment
of the requirements for the degree of
Master of Science

AN ECONOMIC COMPARATIVE STUDY BETWEEN GROUP REPLANTING
SMALLHOLDER AND INDIVIDUAL SMALLHOLDER

by

Rahman bin Md. Sail

February, 1989

Chief Supervisor : Chew Tek Ann, Ph.D.

Supervisor : Roslan A. Ghaffar, Ph.D.

It is commonly believed that cultivating rubber in groups would improve the economic and social life of the smallholders in this country. However, no research has been done to support this. In this study an economic comparison is done between smallholders participating in group replanting schemes and smallholders cultivating rubber individually.

Using factor analysis it was shown that smallholders who participated in group replanting projects have a better management system compared to individual smallholders. The



better management system is a result of many programmes and activities introduced by the extension agents of RISDA amongst the group smallholders.

In terms of relative technical efficiency, group replanting smallholders possess better relative technical efficiency compared to the individual smallholders. Group smallholders, therefore, obtain higher yields with similar inputs compared to individual smallholders.

On the whole it was found that the individual rubber smallholders are efficient in terms of resource allocation for fertilizer but not for labour. Due to the small variation in inputs used by group smallholders, no interpretation is possible on resource allocation efficiency for the group smallholders because they received similar extension services from RISDA.

This study also shows that group rubber smallholders receive higher rubber prices compared to the price obtained by the individual smallholders. With better management, group rubber smallholders produce higher grades of rubber and hence obtain better prices.



BAB 1

PENGENALAN

Perusahaan Getah Malaysia

Perusahaan getah di Malaysia terbahagi kepada dua sektor utama, iaitu, sektor estet dan sektor pekebun kecil. Estet getah telah ditakrifkan sebagai tanah yang luasnya tidak kurang daripada 40.47 hektar ditanam dengan getah dan di bawah kepunyaan sah tunggal. Kebun kecil pula ditakrifkan sebagai tanah yang ditanam dengan getah dengan keluasan kurang dari 40.47 hektar dan di bawah kepunyaan sah tunggal.

Jumlah kawasan yang ditanam dengan getah oleh pekebun kecil telah meningkat dari setahun ke setahun. Keluasan tanaman getah yang diusahakan oleh pekebun kecil pada tahun 1976 ialah sebanyak 1,130,700 hektar. Keluasan ini telah meningkat sebanyak 10% menjadikannya kepada 11,244,600 hektar pada tahun 1985. Di sebaliknya pula, pada masa yang sama keluasan tanaman getah di sektor estet telah berkurangan sebanyak 24.4% (Jadual 1). Penurunan keluasan estet ini berpunca dari penukaran tanaman getah kepada lain-lain tanaman yang dapat memberikan keuntungan yang lebih. Semenjak tahun 1970 pihak pengurusan di sektor estet sering menghadapi kekurangan tenaga buruh untuk bekerja di ladang-ladang mereka. Kekurangan tenaga buruh ini

Jadual 1
Luas Tanaman Getah Oleh Estet dan
Pekebun Kecil ('000 Hektar)

Tahun	Estet	Pekebun Kecil	Jumlah
1976	553.3	1130.7	1684.0
1977	538.9	1145.3	1684.2
1978	523.2	1175.7	1698.9
1979	508.1	1195.1	1703.2
1980	491.6	1205.7	1697.3
1981	479.0	1216.6	1695.6
1982	465.5	1227.5	1693.0
1983	461.1	1230.0	1691.1
1984	443.6	1241.0	1684.6
1985	418.1	1244.6	1662.7

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1986)

telah menyebabkan kawasan yang ditanam semula dengan getah telah berkurangan (Rubber Research Institute of Malaysia, 1987). Kekurangan tenaga buruh di sektor estet adalah disebabkan oleh penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar besar (Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah, 1983).

Dari segi pengeluaran pula, sektor pekebun kecil masih lagi mendahului sektor estet. Jadual 2 menunjukkan hasil pengeluaran getah pekebun kecil telah bertambah dari 884,600 tan metrik pada tahun 1976 menjadikannya sebanyak 933,400 tan metrik pada tahun 1985 iaitu pertambahan sebanyak 5.5%. Keadaan ini berbeza pula dengan sektor estet, kerana pada masa yang sama sektor tersebut mengalami kekurangan pengeluaran sebanyak 23.8% menjadikannya kepada 496,600 tan metrik pada tahun 1985.

Jadual 2
Pengeluaran Getah Di Estet dan
Pekebun Kecil (1976-1985)
('000 Tan Metrik)

Tahun	Estet	Pekebun Kecil	Jumlah
1976	651.7	884.6	1536.3
1977	627.6	883.9	1511.5
1978	618.0	888.0	1506.0
1979	607.3	890.0	1497.3
1980	586.8	877.1	1463.9
1981	574.3	882.3	1456.6
1982	554.3	903.3	1456.6
1983	539.8	983.5	1523.3
1984	509.7	977.7	1487.4
1985	496.6	933.4	1430.0

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1986)

Jika dilihat dari segi pengeluaran getah di kedua-dua sektor ini, pekebun kecil getah telah memainkan peranan yang terbesar dari segi pengeluaran dan telah menyumbangkan sebanyak 65.3% daripada jumlah pengeluaran getah negara.

Oleh kerana industri perusahaan getah memerlukan tenaga buruh yang ramai terutama sekali di peringkat ladang, maka sudah semestinya industri ini boleh menawarkan peluang pekerjaan yang besar kepada penduduk di Malaysia. Jadual 3 menunjukkan tenaga buruh yang bekerja di estet Semenanjung Malaysia mengikut kategori keluasan yang diusahakan bagi tahun 1985. Jumlah tenaga buruh di sektor estet ialah seramai 121,341 orang. Mereka ini adalah terdiri daripada penoreh, perumput, pekerja kilang dan lain-lain pekerja yang berkaitan.

Di sektor pekebun kecil pula, kira-kira 1,154,000 juta orang bergantung hidup kepada perusahaan tanaman getah (Shariff Ahmad, 1981). Dari jumlah ini, sebanyak 130,000 orang bergantung kepada rancangan tanah yang diusahakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), 24,000 orang bergantung kepada Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA), manakala 1,000,000 orang lagi melibatkan diri dengan rancangan tanam semula yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Jadual 3

Buruh Yang Diambil Terus dan Buruh Kontrak
Di Estet Semenanjung Malaysia (1985)
Mengikut Kategori Keluasan

Luas Ditanam (Hektar)	Jumlah Buruh
0 - 199	21,178
200 - 499	22,225
500 - 999	33,884
1000 - 1499	18,438
1500 - 1999	14,458
2000 Ke atas	11,311
Jumlah	121,341

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1986)

Jika ditinjau mereka yang terlibat dengan sektor pekebun kecil pada keseluruhannya pula, didapati seramai 3 juta orang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan perusahaan getah (Yahil, 1984). Namun begitu, sektor pekebun kecil masih lagi merupakan kumpulan miskin yang terbesar di negara ini. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), jumlah pekebun kecil yang dikatakan miskin telah bertambah dari 41.3% pada tahun 1980 kepada 61.1% pada tahun 1983.

Program Tanam Semula

Program Tanam Semula merupakan program pembangunan yang utama dalam strategi pembangunan dan pemodenan sektor pekebun kecil getah yang dilaksanakan oleh RISDA. Program ini meliputi Tanam Semula dan Tanam Baru, Tanam Semula Berkelompok, Tanam Semula Serentak, Mini Estet, Pemulihan Tanam Semula dan Pemulangan Wang Ses kepada Estet.

Sebelum RISDA ditubuhkan, kerajaan telah memperkenalkan satu skim tanam semula getah yang ditadbirkan oleh Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula. Pekebun kecil yang mengambil bahagian dalam rancangan tanam semula ini diberi bantuan dengan kadar \$400.00 seekar, kemudian dinaikkan kepada \$750.00 seekar sehingga tahun 1970. Semenjak program ini diwujudkan pada 1hb. September, 1952 sehingga akhir tahun 1984, sebanyak enam Skim Tanam Semula telah dilancar dan dilaksanakan. Dalam tempoh masa tersebut, seluas 852,906 hektar telah ditanam semula dengan getah, melibatkan seramai 465,545 orang pekebun kecil (Jadual 4). Matlamat tanam semula dan tanam baru untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima ialah 161,880 hektar, seluas 32,375 hektar merupakan matlamat bagi tahun 1986. Dalam tahun tersebut seluas 31,352.2 hektar bersamaan 97.4% telah berjaya ditanam semula dan tanam baru melibatkan seramai 17,429 orang pekebun kecil (RISDA, 1986).

Jadual 4
 Program Tanam Semula Getah Dari
 Tahun 1952 Sehingga Akhir Tahun 1984

Program	Bilangan Peserta	Luas (Hektar)
Tanam Semula	401,207	743,709
Tanam Baru	27,081	51,520
Tanam Semula Ke 2	37,257	58,347
JUMLAH	465,545	852,906

(Sumber: Laporan Tahunan RISDA, 1986)

Jadual 5 menunjukkan belanjawan RISDA bagi tahun 1986 ialah sebanyak \$284,681,578.00, dari jumlah ini sebanyak \$202,965,778.00 iaitu kira-kira 71.3% telah diperuntukkan untuk program tanam semula. Dari pecahan peruntukkan ini jelas menunjukkan bahawa RISDA telah memberikan tumpuan yang besar terhadap program tanam semula untuk memajukan sektor pekebun kecil.

Jadual 6 menunjukkan kemajuan projek tanam semula, tanam baru, dan tanam semula kali kedua yang telah berjaya menerima bantuan pertama pada tahun 1984. Di antara ketiga-tiga kategori penanaman semula, luas kawasan yang telah ditanam semula dan dibayar bantuan pertama ialah 17,924.1 hektar telah mendahului lain-lain kategori. Bagi sepanjang tahun tersebut, sebanyak

Jadual 5
Peruntukan Belanjawan RISDA
Bagi Tahun 1986

Program	Jumlah Peruntukan (\$)	Peratus
Tanam Semula	202,965,778	71.3
Pembangunan Sosio Ekonomi	23,543,000	8.27
Latihan	4,985,800	1.75
Pemasaran Dan Pemerosesan	1,900,000	0.67
Pentadbiran Dan Perancangan	7,037,000	2.47
Projek Seperdu	250,000	0.08
Pemulangan Wang Ses Kepada Estet	43,950,000	15.44
Bayaran Pindahan	50,000	0.02
Jumlah	284,681,578	100.00

(Sumber: Laporan Tahunan RISDA, 1986)

17,151 permohonan dengan keluasan sebanyak 28,352.8 hektar telah dibayar bantuan pertama. Lima buah negeri, iaitu Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis dan Selangor telah melebihi matlamat fizikal masing-masing.

Jadual 6

Kemajuan Projek Tanam Semula, Tanam Baru, Tanam
Semula Kali Ke-2 Mengikut Negeri Bagi Tahun 1984
(Bayaran Bantuan Pertama Sahaja)
(Hektar)

Negeri	Bantuan Pertama			Jumlah
	Tanam Semula	Tanam Baru	Tanam Semula 2	
Johor	3,651.3	80.1	4,469.3	8,200.7
Kedah	3,166.1	42.	455.7	3,664.5
Kelantan	1,974.0	94.0	349.9	2,417.9
Melaka	190.8	1.2	1,100.2	1,292.2
N.Sembilan	1,162.0	12.6	828.5	2,003.1
Pahang	3,083.4	47.1	200.7	3,331.2
Perak	2,021.2	21.7	1,557.5	3,600.3
Perlis	160.7	-	10.5	171.2
P.Pinang	178.9	-	217.1	396.0
Selangor	666.6	8.0	648.8	1,323.4
Terengganu	1,669.2	39.9	243.2	1,952.3
Jumlah	17,924.1	347.3	10,081.4	28,352.8

(Sumber: Laporan Tahunan RISDA, 1986)